

11/07/2001

FMM cadang penubuhan Petugas Khas Daya Saing Negara

PERSEKUTUAN Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) mencadangkan penubuhan pasukan Petugas Khas Daya Saing Negara (NCT) bagi menyemak semula pelbagai isu ekonomi makro yang memberi kesan kepada sektor pembuatan dalam jangka panjang.

FMM, dalam memorandum kepada Dialog Belanjawan 2002 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, semalam berkata NCT itu boleh dikendalikan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Katanya, penubuhan pasukan petugas khas itu antara lain akan membolehkannya memberi tumpuan kepada isu yang lebih menyeluruh meliputi pelaburan, produktiviti, tenaga kerja, pendidikan dan sistem pengangkutan.

FMM berkata, langkah itu antara lain turut dijangka mampu memberi kesan positif dalam usaha membantu industri pembuatan negara meningkatkan daya saing, sekali gus menarik kemasukan pelabur.

Ini kerana pelaburan langsung asing (FDI) yang menjadi pemangkin pembentukan modal dalam ekonomi adalah elemen penting bagi menjana pertumbuhan ekonomi serta perindustrian negara.

Berikutan itu, FMM turut mengesyorkan supaya kadar cukai pendapatan korporat dikurangkan daripada 28 peratus kepada 26 peratus pada tahun depan bagi memastikan persekitaran menarik untuk kemasukan FDI.

FMM, juga menggariskan beberapa cadangan lain termasuk meminta kerajaan menawarkan insentif lain kepada pelabur seperti menyemak semula Elaun Cukai Pelaburan Status Perintis dalam usaha mengekalkan daya saing tempatan.

(END)